

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Rozman Bin Isli [Labuan]

TARIKH : 3 April 2017 (Isnin)

**SOALAN : Datuk Rozman Bin Isli [Labuan]
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
adakah Kementerian menyediakan
sebarang skim atau bantuan supaya
dapat memperhebatkan lagi
penternakan madu kelulut yang
mempunyai permintaan tinggi di
peringkat antarabangsa serta
bagaimanakah Kementerian dapat
memastikan hasil madu kelulut dapat
dijadikan sebagai "superfood" Malaysia.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Pertanian (DOA) menyediakan insentif pada kadar maksima RM10,000 / petani pada tahun 2013 dan ianya telah dinaikkan kepada RM50,000 / petani pada tahun 2016 yang merangkumi skop perolehan baka dan keperluan pemeliharaan lebah dan kelulut. Seramai 116 orang usahawan dan 2 buah pusat pengumpulan masing-masing di Johor dan Pahang telah dibangunkan dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM1,000,000 pada tahun 2016. Sehingga kini, DOA telah melahirkan seramai 402 orang penternak lebah kelulut dengan 40,318 buah koloni.

Kementerian ini melalui DOA turut menyediakan latihan penternakan lebah madu dan kelulut, khidmat nasihat teknikal, kemudahan pusat pengumpulan di seluruh negara dan memberi galakan kepada golongan belia yang menceburi bidang penternakan lebah kelulut melalui bantuan seperti berikut:

- i. Projek Permulaan: Geran berbentuk barangan (*In Kind Contribution*) bagi projek baru atau telah menjalankan projek kurang dari tempoh setahun atau masih belum mencapai sasaran pengeluaran optimum.
- ii. Projek Pengembangan: Pakej Khas Pembiayaan bagi pengembangan projek pertanian sedia ada daripada agensi pembiaya seperti berikut:
 - a) Agrobank-RM50,000 sehingga RM200,000 bagi setiap projek.
 - b) TEKUN Nasional- Sehingga RM50,000 bagi setiap projek.

Sehingga tahun 2016, jumlah penerima bantuan geran IKC dan pakej pembiayaan adalah seramai 30 orang dengan geran IKC berjumlah RM426,700 dan pakej pembiayaan berjumlah RM150,000.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan DOA bersama Jabatan Standard Malaysia serta SIRIM sedang bekerjasama bagi membangunkan piawaian madu kelulut. Pembangunan piawaian madu kelulut ini dijangka boleh digunapakai pada Jun 2017 di samping pembangunan Amalan Pertanian Baik (MyGAP) – Pemeliharaan Lebah dan Kelulut yang telah selesai proses komen umum juga sedia digunapakai pada pertengahan tahun ini.

Istilah *superfood* digunakan untuk jenis makanan yang memiliki nutrien yang sangat tinggi dan berkhasiat untuk kesihatan. Sebahagian sifat-sifat madu kelulut yang telah dikenalpasti adalah seperti antioksidan, antiradang dan antikanser. Madu kelulut terbukti melalui kajian makmal mengandungi lebih daripada 3 kali ganda antioksidan berbanding madu-madu jenis lain seperti madu lebah tualang, madu manuka atau madu yaman.

Antara usaha-usaha untuk memastikan kualiti madu kelulut terjamin ialah:

- i) Menyediakan SOP dan mensyaratkan agar setiap projek/ladang penternakan kelulut memiliki persijilan yang berkaitan seperti Amalan Pertanian Baik (MyGAP) untuk pemprosesan dan penternakan kelulut dan lebah ; dan
- ii) Mempergiatkan aktiviti pemantauan, kawalan dan pengauditan dengan kerjasama jabatan yang berkaitan terhadap projek/ladang pengeluaran madu kelulut agar mematuhi garis panduan penternakan dan jaminan ketulenan madu kelulut yang dikeluarkan.